

10 JUL 2003

Mahathir-Rahsia (Bergambar)/I

DASAR M'SIA BOLEH DICONTOHI SEMUA NEGARA, KATA BEKAS MENTERI INDONESIA

PUTRAJAYA, 10 Julai (Bernama) -- Bekas Menteri Indonesia yang menghadiri Multaqa Ulama Sedunia di sini hari ini meminta Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkongsi petua kejayaannya membangunkan Malaysia sehingga ia menjadi model negara Islam yang progresif.

Bekas Menteri Hal Ehwal Agama Indonesia Tarmizi Taher mengemukakan soalan itu kepada Perdana Menteri pada sesi dialog dengan para peserta sejurus selepas merasmikan multaqa tiga hari itu yang berlangsung di Hotel Marriott Putrajaya di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kejayaan kerajaan Malaysia dalam membangunkan negara ini bergantung kepada dasarnya yang menekankan kepada pendidikan menyeluruh.

"Bagi kami pendidikan adalah amat penting dan ia haruslah pendidikan yang menyeluruh, bukan sekadar pengetahuan duniawi malah mencakupi pengetahuan rohani," kata Perdana Menteri.

Dr Mahathir juga berkata selain asas kerohanian yang baik, kerajaan juga menekankan pentingnya rakyat Malaysia menguasai pengetahuan dalam bidang lain yang diperlukan untuk pembangunan negara.

"...itulah dasar Malaysia. Dan Alhamdulillah kita semakin menuju ke arah menjadi sebuah negara maju," kata Perdana Menteri.

Selain memberi penekanan kepada pendidikan, Dr Mahathir berkata kerajaan berpendapat rakyat Malaysia perlu memahami sistem politik kerajaan jika ia adalah untuk manfaat negara.

"...jika tidak, kita mungkin mengamalkan sistem yang sebenarnya boleh menghancurkan kita," katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia memperuntukkan lebih 20 peratus daripada bajetnya untuk pendidikan sedangkan kebanyakan negara lain membelanjakannya untuk angkatan tentera mereka.

"Tapi kami percaya hanya menerusi pendidikan kita boleh maju dan seiring dengan negara-negara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata dengan objektif ini Malaysia menetapkan sasaran untuk menjadi negara maju menjelang 2020.

-- BERNAMA

NM RT AZZ LAT